



## **MyHSR Corporation Sdn. Bhd.**

### *Soalan-soalan Lazim (FAQ)*

#### **Mengenai MyHSR Corp**

**1. Apakah MyHSR Corp dan fungsinya?**

*MyHSR Corp adalah syarikat yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Malaysia untuk memacu pembangunan dan pelaksanaan projek KL-SG HSR. MyHSR Corp adalah syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan yang diperbadankan pada bulan September 2015.*

*Selain itu, MyHSR Corp bersama-sama dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri dan pelbagai pihak berkepentingan tempatan akan membangunkan Program Pembangunan Sosioekonomi (Socio-economic Development Programme - SEDP), sebuah rangka kerja yang akan menetapkan hala tuju dan memastikan pembangunan sosioekonomi yang mampan di sepanjang jajaran HSR.*

**2. Di manakah pusat operasi MyHSR Corp?**

*Pusat operasi MyHSR Corp adalah di Platinum Sentral, Kuala Lumpur.*

**3. Adakah MyHSR Corp melapor kepada SPAD?**

*SPAD merupakan Agensi Pengawalselia bagi projek KL-SG HSR dan memantau pihak MyHSR Corp (sebagai Pemilik Projek) bagi memastikan pelaksanaan projek KL-SG HSR. MyHSR Corp akan mematuhi segala aspek perundangan dan peraturan yang ditetapkan SPAD dan pihak-pihak berkuasa berkenaan.*

**4. Bagaimanakah MyHSR Corp berfungsi dengan SPAD, Pihak Berkuasa Tempatan dan pembekal pengangkutan untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam tempatan?**

*MyHSR Corp sedang bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Pengangkutan Awam di peringkat persekutuan iaitu SPAD dan peringkat negeri iaitu Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PPAJ) untuk menyediakan kesalinghubungan di antara tempat-tempat yang telah dikenal pasti perlu dihubungkan di dalam sesuatu kawasan. Perancangan dan pelaksanaan pengangkutan awam merupakan salah satu komponen utama Program Transformasi Bandar (Cities Transformation Programme - CTP) di bawah SEDP. MyHSR Corp bersama agensi-agensi berkaitan akan memantau pelaksanaan projek pengangkutan awam tersebut supaya ianya dapat menyokong pembangunan projek KL – SG HSR.*